

Subsidi \$4 juta lagi untuk Kedah: Mahathir

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d mengumumkan hari ini, Kerajaan Pusat akan memberikan subsidi sebanyak \$4 juta lagi setahun kepada Negeri Kedah untuk menolong menampung perbelanjaan pentadbiran negeri itu.

Bellau menegaskan, selain dari subsidi itu kerajaan juga akan memberi lebih banyak bantuan kepada Negeri Kedah yang dianggap sebagai sebuah negeri yang miskin.

Bantuan-bantuan tersebut akan ditimbang oleh Kerajaan Pusat supaya Negeri Kedah akan dapat mencapai taraf kemajuan yang sama dengan negeri-negeri lain.

Berucap dimajlis Jamuan Aidil Fitri anjuran Persatuan/Pertubuhan Peladang MADA di Stadium Datuk Syed Omar, di sini Datuk Seri Dr. Mahathir berkata Kerajaan Pusat telah menambatkan peruntukan untuk mencari gall air dari

bawah tanah, umpamanya, dan projek itu telahpun mencapai kejayaan.

Bellau mengingatkan di samping itu rakyat hendaklah memberi sokongan kepada rancangan-rancangan pembangunan yang ada kerana rancangan-rancangan itu akhirnya akan menolong seluruh rakyat.

Bellau mengingatkan memang benar banyak lagi bantuan yang harus diberikan oleh Kerajaan Pusat tetapi bantuan sahaja tidak akan mendatangkan hasil tanpa di susuli dengan usaha yang gigih dari mereka yang menerima bantuan itu.

Bellau yakin rakyat akan dapat menambatkan lagi pendapatan mereka kalau mereka meningkatkan lagi usaha dalam pekerjaan masing-masing.

Katanya, sejak rancangan tanaman padi dua sekali setahun di laksanakan kira-kira 10 tahun lalu para petani telah memperolehi pendapatan dua kali ganda dari sebelumnya.

Bernama.